

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN
[SELAYANG]

TARIKH : 25 MEI 2016 (RABU)

SOALAN :

Tuan William Leong Jee Keen [Selayang] minta PERDANA MENTERI menyatakan sama ada Kerajaan akan membuat apa-apa untuk melindungi keselamatan para pemandu dan penumpang Uber dan GrabCar daripada diganggu oleh pemandu teksi.

JAWAPAN: YB PUAN HAJAH NANCY SHUKRI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mana-mana pihak yang menyerang, mendatangkan kecederaan atau mengugut pihak lain boleh dipertuduh secara umumnya di bawah Kanun Keseksaan [Akta 574].
2. Antara seksyen yang terpakai ialah seksyen 319 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan bagi kesalahan mendatangkan cedera kepada seseorang dan seksyen 320 iaitu mendatangkan kecederaan parah, dan hukumannya ditetapkan di bawah seksyen 323 iaitu hukuman pemenjaraan sehingga satu tahun atau denda sehingga dua ribu ringgit atau kedua-duanya.
3. Antara seksyen lain yang boleh diguna pakai di bawah Kanun Keseksaan ialah seksyen 349 iaitu menggunakan kekerasan terhadap seseorang, seksyen 350 iaitu menggunakan kekerasan jenayah dan seksyen 351 iaitu melakukan serangan. Hukuman diperuntukkan di bawah seksyen 352 iaitu pemenjaraan sehinggalah 3 bulan atau denda sehingga seribu ringgit atau kedua-duanya.

Sekian, terima kasih.